

# Berita Minggu

## ◆ SAJIAN KHAS HARI INI: SEMANGAT WATAN



**TIDAK PUTUS ASA:** Memahami bahawa kanak-kanak mempunyai kebolehan berbeza, Cik Sabirah menekankan pentingnya menyusua jangkaannya sebagai seorang guru. – Foto-foto NTUC FIRST CAMPUS' MY FIRST SKOOL @80 MARINE PARADE ROAD



**MINAT BERPUTIK:** Daripada seorang guru tadika gantian, kini Cik Sabirah Mohamed Idris menjadi ketua pusat yang mengendalikan 126 kanak-kanak.

# Raih Anugerah Guru Awal Kanak-Kanak Harapan

Nyalarasa didik anak kecil yang berputik sejak remaja berbaloi

► NATASHA MUSTAFA  
nmustafa@sph.com.sg

SEJAK remaja lagi, beliau sudah mula memikirkan tentang masa depannya dan sering ingin mencuba sesuatu yang baru.

Sementara menunggu keputusan perisaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'O', gadis berusia 17 tahun ini ketika itu cuba menjadi guru tadika gantian.

Selama tiga bulan beliau mula menyertai minat serta memupuk semangat untuk mendidik anak-anak kecil.

Kini, Cik Sabirah Mohamed Idris, 32 tahun, merupakan ketua pusat di NTUC First Campus' My First Skool @80 Marine Parade Road.

Cik Sabirah, baru-baru ini, menerima Anugerah Guru Awal Kanak-Kanak Harapan yang merupakan sebahagian Anugerah Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak (Ecdca) 2021.

Bermula sebagai seorang guru, kini ketua pusat menyelia seramai 12 orang guru sepuh masa, tiga orang guru pelatih serta penolong pengetua dan seramai 126 kanak-kanak.

"Selain daripada menyediakan kurikulum untuk kanak-kanak, saya rasa sesuatu yang mencabar adalah cara mendekati ibu bapa mereka kerana ia agak menggerunkan kerana saya harus keluar daripada zon keserasaan saya," katanya sambil ketawa.

"Semasa saya menjadi sukarelawan sebagai ketua pelajar dan sebahagian dari kumpulan seragam di sekolah dulu, saya banyak bekerjasama dengan orang dari golongan usia berlainan. Tetapi ketika itu, saya tidak berpeluang bekerjasama dengan kanak-kanak."

"Apabila mendapat peluang melakukannya di tempat kerja rakan saya sebelum ini, saya pun menggunakan kesempatan itu dengan menimba pengalaman," katanya.

Mempunyai pengalaman yang menarik, Cik Sabirah berkata beliau tergerak untuk memahami sektor tersebut dengan lebih mendalam setelah menerima keputusan peperiksaan GCE 'O'.

Dengan itu, beliau memilih terus bekerja di tadika yang sama selama hampir setahun sebelum meneruskan pengajarannya dalam bidang pendidikan kanak-kanak.

Mengulas mengenai kerjayanya sebagai pendidik kanak-kanak selama 15 tahun, Cik Sabirah berkata ia merupakan keputusan terbaik beliau pernah lakukan dalam hidupnya.

Bermula sebagai seorang guru, kini ketua pusat menyelia seramai 12 orang guru sepuh masa, tiga orang guru pelatih serta penolong pengetua dan seramai 126 kanak-kanak.

Namun, beliau menjelaskan bahawa perjalanan bukan mudah kerana beliau memulakan kerjayanya pada usia yang muda lagi.

"Selain daripada menyediakan kurikulum untuk kanak-kanak, saya rasa sesuatu yang mencabar adalah cara mendekati ibu bapa mereka kerana ia agak menggerunkan kerana saya harus keluar daripada zon keserasaan saya," katanya sambil ketawa.

"Kadangkala, ada ibu bapa yang saya temui menanyakan 'Awak ni muda lagi betul ke awak seorang guru?'

"Tetapi saya selalu berpikir positif dan terus melakukan tugas saya seperti biasa dan berkongsi mengenai perkembangan anak-anak mereka di dalam kelas."

"Dari situ, mereka mula yakin dan percaya bahawa saya mempunyai kebolehan menjaga dan mendidik anak-anak mereka," ujar beliau yang merupakan lulusan diploma pendidikan awal kanak-kanak di Politeknik Temasek.

Sebagai seorang guru, anak sulung empat beradik itu sering meraikan kejayaan kecil.

Menceritakan mengenai salah seorang pelajaranya, Cik Sabirah berkata beliau pernah mempunyai seorang pelajar yang tidak berpacak sepetah pun semasa dia kali pertama berdaftar di pusat itu.

Tidak mudah berputus asa, Cik Sabirah menggalakkan gurunya agar terus cuba menarik minat pelajar itu dalam perbulan setiap hari dan kerap berhubung bersama gurunya untuk memantau perkembangan budak itu.

"Ada kanak-kanak mungkin tidak selepas ataupun tidak biasa bergaul dengan orang ramai."

"Jadi, kita harus menggunakan strategi yang berlainan. Contohnya, mulakan dengan memperkenalkan mereka kepada kumpulan yang kecil dan apabila mereka lebih selesa, ketengahkan mereka kepada kumpulan lebih besar."

"Kita seharusnya mempunyai jangkaan lebih rendah dan mengikuti kebolehan anak tersebut," jelasnya.

Selepas beberapa bulan, bimbingan Cik Sabirah dan usaha gurunya membawakan hasil apabila pelajar tersebut secara proaktif memanggil gurunya.

Menerima anugerahan sebagai batu loncatan, Cik Sabirah berharap usahanya dalam sektor pendidikan awal kanak-kanak dapat terus memberi inspirasi kepada guru-guru lain.

"Bagaimana mentor saya gembira melihat prestasi saya, saya juga mahu perkerja yang sama buat guru saya."

"Ini supaya suatu hari nanti apabila guru-guru saya keluar dan menjadi pemimpin pula, mereka akan dapat terus berkongsi apa yang telah mereka pelajari kepada pendidik lain pada masa hadapan," katanya.

"Selain daripada menyediakan kurikulum untuk kanak-kanak, saya rasa sesuatu yang mencabar adalah cara mendekati ibu bapa mereka kerana ia agak menggerunkan kerana saya harus keluar daripada zon keselesaan saya."

Kadangkala, ada ibu bapa yang saya temui menanyakan 'Awak ni muda lagi betul ke awak seorang guru?'

Tetapi saya selalu berpikir positif dan terus melakukan tugas saya seperti biasa dan berkongsi mengenai perkembangan anak-anak mereka di dalam kelas.

Dari situ, mereka mula yakin dan percaya bahawa saya mempunyai kebolehan menjaga dan mendidik anak-anak mereka."

– Cik Sabirah Mohamed Idris.

**Nikmati**  
**Sajian Khas**  
**Hari Ini**

**BH**

**Warga Berbakti**  
Encik Abdul Rohim Sarip Peguam & Aktivis Masyarakat

**KERJA KEMASYARAKATAN SUDAH MENDARAH DAGING DALAM JIWA**

**Tokoh Pemikir Dr Norshahril Saat Zamil Kanan Isaeas**  
**PENGKAJI POLITIK YANG LEBIH SUKA LAKUKAN KAJIAN 'TURUN PADANG'**

**'TAMAN DI KORRIDOR HDB'**  
Semangat Watan Encik Afiq Omar Ali Penggemar tanaman & personaliti Tik Tok

Imbas kod QR untuk langgan